



# Anak benci ayah dayus

## Ibu terpaksa bekerja cari nafkah sedangkan bapa duduk goyang kaki di rumah

### SOALAN

**S**AYA gadis yang bakal menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun ini dan berdepan masalah serius.

Masalah bermula dengan keluarga terutama ayah. Saya sebenarnya anggap ayah seorang yang dayus kerana mengharapkan ibu mencari nafkah sedangkan dia duduk goyang kaki di rumah.

Saya benci sikapnya itu dan disebabkan ibu terlalu sibuk bekerja di luar, dia tiada masa bersama kami adik-beradik.

Ibu sering bercerita mengenai perasaan marahnya kerana ayah tidak bekerja. Saya tidak suka mendengar keluhan itu kerana setiap kali bercerita, perasaan dendam dan marah kepada ayah akan meningkat. Komunikasi saya dengan ayah juga tidak begitu baik.

Saya pernah meluahkan rasa hati ini kepada ibu tapi dia tetap menyebelahi ayah dan mengatakannya lebih baik daripada segelintir bapa yang sanggup memukul isteri dan anaknya. Lantas, saya juga geram pada ibu sendiri tetapi saya tidak mahu jadi anak derhaka.

Memanglah ayah tidak pernah memukul kami tapi perangai ayah mendera perasaan. Sebenarnya

bukan saya saja berperasaan begini, tetapi semua adik-beradik juga tertekan.

Ketika mengulang kaji pelajaran, saya sering terfikir masalah ini dan tidak dapat menumpukan perhatian. Pernah juga saya terfikir hendak lari dari rumah.

Saya cuma berharap ayah berubah dan bertanggungjawab terhadap keluarga. Jika dia tahu tanggungjawabnya, saya yakin kami akan dapat hidup dengan lebih selesa.

**ANAK KECEWA,**  
Kuala Lumpur.

### JAWAPAN

**DOKTOR** faham perasaan adik kerana tingkah laku ibu bapa. Ayah tidak bekerja manakala ibu pula tiada masa bersama-sama keluarga kerana sibuk bekerja dan tetap memihak kepada sikap 'dayus' bapa.

Namun, ibu meluahkan perasaan tidak puas hati terhadap sikap ayah kepada adik menyebabkan perasaan marah semakin tinggi setiap kali mendengar luahan itu.

Ibu nampaknya tertekan dengan sikap dayus ayah kerana itu dia meluahkan perasaannya. Sekurang-kurangnya, ibu mempunyai tempat untuk meluahkan perasaan bagi mengurangkan tekanan

**Masalah rumah tangga memang akan memberi kesan kepada anak-anak. Ibu bapa perlu menyedari kesan tingkah laku mereka terhadap emosi anak dan tidak hanya memikirkan diri mereka semata-mata. Ada kalanya, ibu bapa tidak menyedari ia akan mempengaruhi sikap dan psikologi anak-anak.**

dialami.

Bagaimanapun ibu tidak menyedari apa dilakukan menyebabkan adik marah dengan sikapnya atau ibu sengaja bersikap 'mempertahankan diri'.

Doktor lihat ibu bersikap membela bapa kerana tidak mahu hubungan mereka terjejas sedangkan pada masa sama, ia memberi tekanan kepada adik sekeluarga.

Sewajarnya tugas ibu dan bapa ialah melindungi serta bertanggungjawab terhadap anak-anak daripada pelbagai keperluan seperti makan minum mencukupi, tempat tinggal selesa, kewangan mantap di samping pemahaman emosi dan psikologi.



**MESRA...** anak daripada keluarga bahagia lebih berkeyakinan diri dan berjaya.

Masalah rumah tangga memang akan memberi kesan kepada anak-anak. Ibu bapa perlu menyedari kesan tingkah laku mereka terhadap emosi anak dan tidak hanya memikirkan diri mereka semata-mata. Ada kalanya, ibu bapa tidak menyedari ia akan mempengaruhi sikap dan psikologi anak-anak.

Ramai juga yang bersifat mempertahankan keadaan seperti ibu adik. Ada juga ibu bapa yang terperangkap dan terpenjara dengan masalah mereka sendiri hingga tidak dapat berfikir. Akibatnya, anak atau orang paling hampir menjadi mangsa.

Mengubah tingkah laku ibu bapa bukan sesuatu yang mudah. Mereka

sudah mempunyai sistem kepercayaan tersendiri yang sudah lama terbina. Ataupun, mereka tidak mahu berubah atas sebab tertentu.

Oleh itu, adik perlu ubah pemikiran diri. Berfikiran positif dan biarkan ibu bapa adik menyelesaikan masalah mereka. Sekurang-kurangnya, adik sudah cuba berusaha mengubah keadaan tetapi disebabkan sikap mempertahankan keadaan kedua-duanya, setakat itulah yang mereka dapat terima.

Memandangkan SPM semakin hampir, adik perlu beri tumpuan pada pelajaran. Kurangkan berfikir mengenai masalah keluarga tetapi tingkatkan tumpuan

kepada pelajaran. Fikirkan ganjaran yang adik akan peroleh apabila dapat keputusan yang baik nanti.

Jika dapat mengubah sikap untuk dapat menumpukan perhatian pada pelajaran dan seterusnya berjaya, adik boleh menjadi contoh yang baik kepada adik yang lain. Dengan cara melanjutkan pelajaran, adik boleh keluar dari rumah tanpa perlu melarikan diri.

Kuatkan semangat diri dalam menempuh cabaran hidup. Jangan jadikan masalah ibu bapa sebagai penghalang adik menempuh kejayaan dalam hidup. Doktor doakan adik tabah dan akan menemui sinar kebahagiaan dalam kehidupan.

# Remaja sering khayal wajah jejak kakak

### SOALAN

**S**AYA remaja wanita yang mudah tertarik dengan lelaki kakak dan terus terpicat serta jatuh cinta. Apabila melihat lelaki sebegini, dengan mudah saya memasang angan-angan. Selalu juga saya terbayang rupa paras mereka

menyebabkan saya suka berkhayal dan tidak boleh belajar. Peliknya, saya berangan-angan sendiri tanpa di ketahui orang lain.

Bagaimana saya dapat membuang perasaan itu?

Adakah saya benar-benar jatuh cinta? Namun, rasanya ini hanya angan-angan Mat Jenin saja.

**SUKA BERANGAN**  
Pulau Pinang.

### JAWAPAN

**TERIMA** kasih kerana bersifat jujur dengan menceritakan perasaan adik. Memang normal apabila kita suka melihat sesuatu yang indah. Lelaki

yang dianggap kakak sering menjadi tarikan. Begitu juga perempuan cantik, malah benda menarik juga sering mencuri tumpuan.

Bagaimanapun, sikap adik yang sering khayal kerana mudah jatuh cinta dengan lelaki dianggap kakak dan seterusnya tidak dapat membuat kerja lain seperti belajar akan merugikan diri sendiri.

Walaupun berkhayal itu adalah hak adik dan mungkin menyeronokkan,

membuang masa dengan berkhayal sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat.

Fikirkan bagaimana banyak masa terbuang kerana sibuk berkhayal.

Adik boleh membuang sikap suka berkhayal ini sedikit demi sedikit. Fikirkan apa keuntungannya jika adik sentiasa memikirkan lelaki yang dikhayalkan itu.

Fikirkan apa yang berlaku kepada Mat Jenin apabila

dia terus berangan-angan? Cerita angan-angan Mat Jenin boleh menjadi pengajaran yang baik bagi mereka yang suka berangan-angan.

Adik boleh menuliskan di atas kertas keburukan suka berkhayal setiap kali mula berkhayal mengenai lelaki kakak atau sebaik saja mula memikirkan mengenai mereka.

Jika dapat mengurangkan khayalan sedikit demi sedikit, akhirnya adik tidak

akan banyak membuang masa. Mengikis sikap itu akan mengambil masa tapi jika terus berusaha, sikap suka berkhayal ini dapat dikurangkan.

Dr doakan agar adik berjaya membuang sikap suka berkhayal dan cepat jatuh cinta dengan lelaki ini. Mungkin satu hari nanti adik akan dapat memiliki seorang jejak tapan tanpa perlu berkhayal mengenainya. Semoga berjaya.